



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGKAIT ANTARA PERSONALITI, PERANAN GENDER,  
KOMUNIKASI, TEKANAN KEWANGAN DAN KUALITI PERKAHWINAN  
DALAM KALANGAN INDIVIDU MUSLIM BARU BERKAHWIN DI  
LEMBAH KLANG, MALAYSIA***

**SOFFIZZAN BIN ABDUL RAHMAN**

**FEM 2016 47**



**HUBUNGKAIT ANTARA PERSONALITI, PERANAN GENDER,  
KOMUNIKASI, TEKANAN KEWANGAN DAN KUALITI PERKAHWINAN  
DALAM KALANGAN INDIVIDU MUSLIM BARU BERKAHWIN DI  
LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

**SOFFIZZAN BIN ABDUL RAHMAN**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Jun 2016**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGKAIT ANTARA PERSONALITI, PERANAN GENDER,  
KOMUNIKASI, TEKANAN KEWANGAN DAN KUALITI PERKAHWINAN  
DALAM KALANGAN INDIVIDU MUSLIM BARU BERKAHWIN  
DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

**SOFFIZZAN BIN ABDUL RAHMAN**

Jun 2016

Pengerusi : Rumaya Juhari, PhD  
Fakulti : Ekologi Manusia

Kualiti perkahwinan adalah satu aspek penting dalam institusi keluargaan yang berfungsi membentuk kesejahteraan, kesihatan dan emosi individu. Dipercayai, individu yang mempunyai perkahwinan yang berkualiti cenderung untuk memiliki kesejahteraan hidup yang positif dalam pelbagai aspek kehidupan seperti kesejahteraan mental, fizikal, dan emosi. Faktor-faktor dalam Model *Vulnerability Stress Adaptation* (VSA) menerangkan ciri-ciri vulnerabiliti, proses adaptasi dan tekanan dilihat mampu mempengaruhi kualiti hubungan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan ke atas kualiti perkahwinan. Sebagai tambahan, kajian juga mengkaji kesan pengantara komunikasi di antara boleh ubah berkaitan dengan kualiti perkahwinan.

Seramai 549 responden beragama Islam yang telah berkahwin dalam tempoh kurang 24 bulan di sekitar Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya dijadikan sampel dan teknik pensampelan bertujuan dan bola salji telah digunakan. Instrumen “*Dyadic Adjustment Scale*”, “*The Three Couple Scale PREPARED/ENRICH: Marital Satisfaction, Communication and Conflict Resolution*”, “*Goldberg’s Unipolar Big Five Markers*”, “*The Attitude towards Gender Roles Scale*” dan “*InCharge Financial Distress/Financial Well-Being Scale*” digunakan untuk mengukur boleh ubah yang berkaitan. Kebolehpercayaan yang tinggi dicatatkan untuk semua instrumen yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Analisis univariat, bivariat dan multivariat telah dijalankan untuk menjawab objektif kajian.

Hasil kajian mendapati pendidikan, *emotional stability*, *extraversion*, *openness*, *agreeableness*, *conscientiousness* dan komunikasi mempunyai perkaitan signifikan yang positif dengan kualiti perkahwinan manakala peranan gender dan tekanan kewangan mempunyai perkaitan signifikan yang negatif dengan kualiti perkahwinan. Analisis regresi berganda pula mendapati *agreeableness*, *neuroticism*, komunikasi dan tekanan kewangan adalah penyumbang faktor peramal yang signifikan kepada kualiti perkahwinan. Walau bagaimanapun, komunikasi menjadi faktor peramal yang kuat berbanding faktor lain. Analisis regresi mediator mendapati komunikasi menjadi pengantara perubahan antara personaliti *emotional stability*, *extraversion*, *openness*, *agreeableness*, *conscientiousness* dengan kualiti perkahwinan. Justeru, dapatan kajian menyokong model VSA dalam menerangkan hubung kait antara personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan. Peranan komunikasi dilihat sangat kritikal dalam menjayakan proses interaksi antara pasangan baru berkahwin.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP OF PERSONALITY, GENDER ROLES,  
MARITAL COMMUNICATION, FINANCIAL STRESS AND MARITAL  
QUALITY ON NEWLY-WEDS MUSLIM INDIVIDUAL  
IN KLANG VALLEY, MALAYSIA**

By

**SOFFIZZAN BIN ABDUL RAHMAN**

**June 2016**

**Chairman : Rumaya Juhari, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Marital quality is an important aspect of family life that shapes individual's well-being, health and emotional. Its believe that individual with high marital quality tendency to have positif well-being in every aspect of life such as mental, pyhsical, and emotional well-being. *Vulnerability Stress Adaptation Model* (VSA) emphasize that factor such as enduring vulnerability, adaptive process and stress event could affect the quality of the marital relationship. Thus, this study aims to determine the relationship between personality, gender roles, communication and financial stress on marital quality. In addition, this study also aims to determine the mediation effect of communication on relationship between independent variable and marital quality.

Respondent consist of 549 married Muslim individuals who married less than 24 month and living in the province of Klang Valley including Kuala Lumpur, Selangor and Putrajaya and recruited using purposive and snowball sampling technique. Intsrument "Dyadic Adjustment Scale", "The Three Couple Scale PREPARED/ENRICH: Marital Satisfaction, Communication and Conflict Resolution", "Goldberg"s Unipolar Big Five Markers", "The Attitude towards Gender Roles Scale" dan "InCharge Financial Distress/Financial Well-Being Scale" are used to measure the respective variables. High reliability recorded for all instruments that have been translated into Malay language. Univariate, bivariat and multivariate analysis are conducted to explain the research objective.

Findings revealed that education, emotional stability, extraversion, openness, agreeableness, conscientiousness and communication were positif significantly relationship with marital quality meanwhile gender roles and financial stress has negative significantly relationship with marital quality. Multiple regression analysis found that neuroticism, agreeableness, communication and financial stress are predictive factors contributing to the quality of marriage. However, communication becomes a strongest predictor factor than others. Thus, the findings support the VSA model in explaining the relationship between personality, gender roles, communication and financial distress with marital quality. The role of communication is very critical to improved the process of interaction between the newly married couple.



## PENGHARGAAN

**Bismillahirahmanirahim,**

*Al-hamdu lillahi rabbil 'alamin*, syukur yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi atas kesihatan, ketahanan, kekuatan dan kesabaran dalam menyiapkan tesis saya sepanjang 5 tahun pengajian saya ini. Walaupun banyak berkorban demi masa dan peluang kerjaya bagi masa hadapan yang memerlukan saya fokus kepada penulisan, namun saya masih bersyukur kerana mampu untuk meneruskan pengajian ini walaupun pada awalnya saya berasa putus asa yang amat. Cukup “*stress*” tapi syukur saya mampu bertahan. Sekali lagi syukur alhamdulilah.

Pertama sekali, ingin saya berterima kasih kepada dua insan yang bagi semangat dan doa sepanjang pengajian saya ini iaitu **Abdul Rahman Bin Abdullah** dan **Mimi Bte Mohammad**. “*For mom and dad, this is for you, I do this because of you*”. Semoga Allah memberi rezeki yang melimpah dan kesihatan yang berpanjangan buat dua insan ini.

Keduannya kepada adik beradik saya, Moziana Bte Abdul Rahman, Zellina Bte Abdul Rahman dan Raymizzan Bin Abdul Rahman yang turut juga membantu secara tidak langsung, jutaan terima kasih saya ucapkan. Juga kepada Muhammad Hasifsafwan dan Muhammad Amirul Amin sahabat baik saya yang telah memberi sokongan moral supaya lebih tabah dalam menghadapi cabaran, terima kasih sahabat.

Seterusnya jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari dan Dr. Siti Nor Yaacob (ketua dan ahli jawatankuasa penyeliaan) kerana telah memberi kritikan, galakan dan garis panduan dalam menjalankan kajian ilmiah ini.

Juga buat kawan-kawan, rakan dan individu yang langsung ataupun tidak langsung, dalam memberi galakan dalam penyiapan tesis ini yang melihat jatuh dan berdirinya saya. Semoga insan yang saya sebutkan seperti di atas akan diberkati rezeki oleh Allah. Amin.

Terima kasih untuk semua, terima kasih untuk ilmu dan terima kasih untuk sokongan.

“BERILMU BERBAKTI”

Ikhlas,  
Soffizzan Abd Rahman

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 10 Jun 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Soffizzan bin Abdul Rahman bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungkait antara Personaliti, Peranan Gender, Komunikasi, Tekanan Kewangan dan Kualiti Perkahwinan dalam Kalangan Individu Muslim Baru Berkahwin di Lembah Klang, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Haslinda binti Abdullah, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Haslee Sharil Lim Abdullah, PhD**  
Profesor  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 Februari 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Rumaya Juhari, PhD**

Professor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Siti Nor Yaacob, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No Matrik : Soffizzan Bin Abdul Rahman, GS30983

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam mengikut Kaedah Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa Penyeliaan : \_\_\_\_\_  
Rumaya Juhari, PhD

Tandatangan  
Nama Ahli  
Jawatankuasa Penyeliaan : \_\_\_\_\_  
Siti Nor Yaacob, PhD

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Persoalan kajian	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.4.1 Objektif Am	12
1.4.2 Objektif Khusus	12
1.5 Hipotesis Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Definisi Istilah	16
1.7.1 Kualiti Perkahwinan	16
1.7.2 Personaliti	16
1.7.3 Peranan gender	17
1.7.4 Komunikasi	17
1.7.5 Tekanan Kewangan	17
1.8 Kerangka Teoritikal	18
1.9 Kerangka Konseptual	21
1.10 Susunan Penulisan	22
1.11 Rumusan bab	22
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	23
2.1 Konsep kualiti perkahwinan	23
2.2 Perkahwinan peringkat awal dan kualiti perkahwinan	25
2.3 <i>Vulnerability-Stress-Adaption Model of Marriage</i>	29
2.4 Faktor mempengaruhi kualiti perkahwinan	31
2.4.1 Demografi	31
2.4.2 Personaliti	33
2.4.3 Peranan gender	36
2.4.4 Komunikasi dalam perkahwinan	40
2.4.5 Tekanan kewangan	43
2.5 Komunikasi sebagai mediator kepada kualiti perkahwinan	44
2.6 Rumusan bab	45

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	46
3.1	Reka Bentuk Kajian	46
3.2	Lokasi Kajian	46
3.3	Populasi dan pensampelan	47
3.3.1	Populasi dan sampel	47
3.3.2	Penentuan saiz sampel	47
3.3.3	Teknik pensampelan	49
3.3.4	Prosedur mendapatkan sampel	49
3.4	Pemboleh ubah dalam kajian	50
3.5	Instrumen dan pengukuran	51
3.5.1	Pembolehubah antisiden	51
3.5.2	Pembolehubah tidak bersandar	51
3.5.3	Pemboleh ubah bersandar	56
3.6	Pengumpulan data	57
3.7	Pra Uji Soal Selidik	58
3.8	Data analisis	58
3.8.1	<i>Exploratory Data Analysis (EDA)</i>	59
3.8.2	Analisis deskriptif	62
3.8.3	Analisis bivariat dan multivariat	62
3.9	Rumusan bab	62
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	65
4.1	Hasil dapatan analisis deskripsi	65
4.1.1	Ciri-ciri personal responden	65
4.1.2	Tahap kualiti perkahwinan, personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan	68
4.2	Hasil dapatan analisis bivariat	72
4.3	Hasil dapatan analisis multivariat	78
4.3.1	Faktor peramal unik kualiti perkahwinan responden	79
4.3.2	Pengaruh mediator ke atas kualiti perkahwinan	82
4.5	Rumusan bab	96
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	98
5.1	Rumusan kajian	98
5.2	Kesimpulan kajian	99
5.3	Implikasi teoritikal	102
5.4	Implikasi praktikal	103
5.4.1	Pembangunan institusi keluarga dan personal	103
5.4.2	Aplikasi psikologi dalam penyelidikan	104
5.4.3	Pembangunan dasar (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Unit Psikologi)	104
5.4	Skop, limitasi dan cadangan kajian akan datang	105
<b>RUJUKAN</b>		107
<b>LAMPIRAN</b>		117
<b>BIODATA PELAJAR</b>		142
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		143

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Contoh item GUBFM	52
3.2	Pembahagian skor dan interpretasi bagi skala GUBFM	53
3.3	Pembahagian skor dan interpretasi bagi skala ENRICH	54
3.4	Pembahagian skor dan interpretasi bagi skala IFDWS	55
3.5	Nilai <i>Crobach Alpha</i> ( $\alpha$ ) Bagi Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	58
3.6	Ujian Normaliti Data <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> Bagi Kesemua Pemboleh ubah	59
3.7	Ujian <i>Multicollinearity</i> Bagi Kesemua Pembolehubah	60
3.8	Matrix Perkaitan Antara Semua Pembolle hubah	61
3.9	Rumusan Analisis diskriptif dan inferensi Berdasarkan Kepada objektif Kajian	63
4.1	Analisis deskripsi bagi ciri-ciri personal responden	67
4.2	Taburan Skor Bagi Setiap Pemboleh ubah Utama	70
4.3	Hasil Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Antara Pemboleh ubah Dengan Kualiti Perkahwinan	72
4.4	Nilai Beta Bagi Analisis Prediktor Bagi Menentukan Faktor Unik Kualiti Perkahwinan	80
4.5	Komunikasi Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Personaliti <i>Emotional Stability</i> Dan Kualiti Perkahwinan	84
4.6	Komunikasi Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Personaliti <i>Extraversion</i> Dan Kualiti Perkahwinan	86
4.7	Komunikasi Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Personaliti <i>Openness to Experience</i> Dan Kualiti Perkahwinan	88
4.8	Komunikasi Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Personaliti <i>Agreeableness</i> Dan Kualiti Perkahwinan	90
4.9	Komunikasi Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Personaliti <i>Conscientiousness</i> Dan Kualiti Perkahwinan	92
4.10	Komunikasi Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Peranan Gender Dan Kualiti Perkahwinan	94
4.11	Rumusan hasil dapatan kajian bivariate dan multivariat	97

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Kerangka teoritikal	20
1.2	Kerangka konseptual	21
3.1	Formula mendapatkan saiz sampel (Krejcie & Morgan, 1970)	48
3.2	Pengiraan saiz sampel (Krejcie & Morgan, 1970)	48
3.3	Kaedah persampelan dan prosedur mendapatkan responden	50
4.1	Model ujian mediator	82
4.2	Model Mediator bagi H <sub>a</sub> 13	84
4.3	Model Mediator bagi H <sub>a</sub> 14	86
4.4	Model Mediator bagi H <sub>a</sub> 15	88
4.5	Model Mediator bagi H <sub>a</sub> 16	90
4.6	Model Mediator bagi H <sub>a</sub> 17	92
4.7	Model Mediator bagi H <sub>a</sub> 18	94

## **SENARAI SINGKATAN**

ES	Personaliti <i>Emotional stability</i>
EX	Personaliti <i>Extraversion</i>
O	Personaliti <i>Openess</i>
A	Personaliti <i>Agreeableness</i>
C	Personaliti <i>Conscientiousness</i>
DV	Dependent Variable
IV	Independent Variable
AV	Antecedent Variable
VSA	<i>Vulnerability Stress Adaptation</i>
GUBFM	<i>Goldberg's Unipolar Big Five Markers</i>
IFDWS	<i>InCharge Financial Distress/Financial Well-Being Scale</i>
DAS	<i>Dyadic Adjustment Scale</i>
EDA	<i>Exploratory Data Analysis</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bab ini memerihalkan latar belakang kajian, pernyataan masalah dan persoalan kajian. Turut dibincangkan adalah objektif am dan spesifik, hipotesis, kepentingan kajian, definisi terminologi, kerangka teoretikal, kerangka konseptual dan limitasi kajian. Bab ini diakhiri dengan rumusan bab.

#### 1.1 Latar belakang kajian

Perkahwinan dilihat sebagai perkara lazim dalam sesebuah masyarakat dan merupakan asas pengaruh sosial. Melihat kepada takrif perkahwinan, perkahwinan merupakan satu bentuk hubungan antara dua individu (lelaki dan wanita) yang telah diiktiraf oleh pihak berkuasa sivil serta undang-undang untuk membentuk institusi keluarga. Lantaran itu sehingga kini, perkahwinan dirujuk sebagai satu struktur dalam setiap masyarakat dan dianggap sebagai salah satu aset yang paling penting dalam hubungan antara manusia. Ia merupakan asas dalam pembentukan institusi keluarga yang bertujuan untuk pembangunan dan kepentingan generasi akan datang (Finnis, 2008; Zainab, Wan & Asyraf, 2014).

Sebagaimana yang kita maklumi, 87% daripada populasi negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Brazil, China dan Eropah telah mengalami peningkatan secara mendadak pada kadar perkahwinan negara mereka (United Nations, 2006). Fenomena ini berlaku disebabkan oleh penambahbaikan dalam perkhidmatan kesihatan, status pendidikan dan taburan umur. Di Malaysia, statistik populasi dan demografi bagi kadar perkahwinan menunjukkan trend yang sama. Sumber dari Kementerian Statistik Malaysia tahun 2010 mendapati peningkatan jumlah perkahwinan meningkat lebih 20% sejak tahun 2008. Ini termasuk 1.4% adalah terdiri daripada golongan wanita dan 1.2% terdiri daripada golongan lelaki yang masing-masing telah berkahwin dalam lingkungan umur 15 hingga 19 tahun. Hal ini bermakna taburan umur terutama golongan muda turut meningkat dan menyumbang kepada peningkatan kadar perkahwinan bukan sahaja segala global, malahan di Malaysia khasnya.

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa individu yang berkahwin biasanya akan menjalani siri perubahan dinamik di sepanjang kehidupan. Pelbagai kajian tentang perkahwinan dan keluarga banyak memfokuskan kepada corak perubahan dan kestabilan yang berlaku sepanjang peringkat perkahwinan. Salah satunya adalah kualiti perkahwinan. Ramai penyelidik berminat untuk mengkaji kualiti perkahwinan dan impaknya kepada institusi perkahwinan (Boerner *et al.*, 2015; Carr, Freedman, Cornman, & Schwarz, 2014; Mani, & Keshavarzi, 2013).

Kualiti perkahwinan dilihat sentiasa menurun dari masa ke masa bergantung kepada keupayaan individu dalam menilai pasangan. Tahun awal perkahwinan dilihat sukar bagi pasangan dan menjadi peringkat paling penting dalam alam perkahwinan. Oleh itu, adalah tidak mustahil ada segelintir pasangan tidak mampu menjadikan hubungan perkahwinan mereka sentiasa sejahtera disebabkan oleh faktor-faktor tertentu terutamanya kurangnya sokongan, sumber dan penyesuaian yang tidak konsisten. Akibatnya, institusi perkahwinan dilihat sentiasa rapuh dan pasangan berhadapan dengan konflik sepanjang duduk bersama. Menyedari hakikat di atas, penyelidik melihat istilah kualiti perkahwinan adalah penting dan dilihat mampu menerangkan perubahan yang berlaku dalam institusi perkahwinan secara menyeluruh terutamanya bagi pasangan yang baru berkahwin (Spanier & Lewis, 1980; Fincham & Bradbury, 1987; Olson & Olson, 2000; Bidwell & Mey, 2000; Burpee & Langer, 2005; Bradbury *et al.*, 2000; Allendorf, 2013; Fisiloglu & Demir, 2000).

Lazimnya, hubungan perkahwinan di analisis dengan dua konsep asas iaitu kestabilan perkahwinan (*marital stability*) dan kualiti perkahwinan (*marital quality*). Kestabilan perkahwinan melibatkan elemen seperti kes kematian, penceraian, berpisah, dan tingkah laku curang yang berlaku sepanjang tempoh perkahwinan (Barelds 2005; Vater & Schröder-Abe, 2015). Bagi kualiti perkahwinan pula, menurut Spanier dan Lewis, (1980), kualiti perkahwinan merujuk kepada penilaian individu terhadap hubungan dalam pasangan berkahwin kepada beberapa dimensi secara subjektif. Ini termasuklah dimensi penyesuaian, kebahagiaan dan kepuasan dalam perkahwinan (Umberson *et al.*, 2006; Sharif, Soleimani, Mani, & Keshavarzi, 2013).

Selain itu, Amato, Johnson dan Rogers (2003) juga telah mendefinisikan kualiti perkahwinan sebagai satu konstruk multidimensi yang terbahagi kepada tiga dimensi iaitu kebahagiaan bersama pasangan, interaksi bersama pasangan, pemikiran untuk bercerai atau di cerai. Berlainan dengan definisi kualiti perkahwinan Harper, Schaalje dan Sandberg (2000), dimensi terdiri daripada satu konstruk seperti tekanan ataupun komunikasi. Justeru pelbagai konsep dan definisi yang menerangkan kualiti perkahwinan dan ini menjelaskan betapa pentingnya kualiti perkahwinan dalam pembentukan hubungan perkahwinan dan institusi keluarga khususnya. Bagi kajian ini, fokus kajian lebih kepada kualiti perkahwinan yang melihat elemen-elemen seperti kebahagiaan, keseronokan, kasih sayang, keintiman, kelembutan, kasih sayang, komunikasi yang kukuh, komitmen dan kepuasan perkahwinan dan dikaitkan dengan tahap daripada ciri-ciri tersebut.

Hubungan perkahwinan sering dikaitkan dengan pelbagai masalah dan konflik. Seiring dengan peningkatan kadar perkahwinan khususnya di Malaysia, pada masa yang sama kes penceraian dilaporkan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, dilaporkan hanya empat puluh peratus rumah tangga berjaya dikekalkan sehingga sepuluh tahun perkahwinan mereka (Mustafa, 1997). Di Malaysia pula, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melaporkan bilangan pasangan Islam yang bercerai telah meningkat dari tahun ke tahun, di mana 20,916 kes pada tahun 2004 kepada 47,740 pada tahun 2012, dan seterusnya menjadi 49,311 pada tahun 2013.

Malahan peratusan kes cerai tertinggi direkodkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 50% daripadanya adalah pasangan yang baru berkahwin (Zainab, Wan & Asyraf, 2014). Justeru, peningkatan ketara lebih 50% ini dilihat amat membimbangkan terutama bagi pasangan yang baru berkahwin (Boerner *et al.*, 2015). Tren pasangan baru berkahwin di negara barat melaporkan lebih 25% daripada pasangan yang pertama kali berkahwin akan bercerai dalam tempoh 5 tahun (Bramlett & Mosher, 2001). Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *United Nation Statistic Division*, 2015 secara puratanya, perceraian berlaku sepanjang tempoh 8 tahun dan seawal 2 tahun perkahwinan. Selain itu, Menurut UNSD lagi, 60% daripada perceraian berlaku pada individu yang berusia 25-39 tahun iaitu golongan belia.

Kualiti hubungan yang baik merujuk kepada pasangan yang mempunyai penyesuaian, kesejahteraan serta kepuasan perkahwinan yang tinggi (Javanmard & Garegozlo, 2013). Namun, kualiti perkahwinan dilihat akan sentiasa menurun dan meningkat dari semasa ke semasa kerana ianya mampu berubah mengikut deskripsi umur, tempoh perkahwinan, budaya, tingkah laku dan sosioekonomi (South *et al.*, 2016; Robins *et al.*, 2000; Watson *et al.*, 2000). Impak kualiti perkahwinan boleh membawa kesan negatif terhadap perkembangan individu, pasangan dan keluarga. Konflik tugas dan keluarga serta bebanan tanggungjawab seperti tahap kewangan yang rendah, hutang, hubungan dengan mak mertua dan *work-family-conflict* yang berlaku sepanjang perkahwinan menyukarkan lagi usaha untuk menstabilkan perkahwinan (Kuswanti, 2008; Ahmadi, Saadat & Noushad, 2016; Kurdek, 2005; Bramlett & Mosher, 2001). Akibatnya, kualiti dalam hubungan boleh menurun kerana pasangan sedang mengalami stress dalam keluarga mahupun pekerjaan dan mendorong pasangan untuk bercerai.

Selain itu, kualiti perkahwinan yang tinggi mampu mempengaruhi kesejahteraan fizikal dan psikologi individu (Botlani, Ahmadi, Bahrami, Shahsiah & Mohebbi, 2010; Kapteyn *et. Al*, 2013; Spanier & Lewis, 1980; Bradbury, *et al.*, 2000). Beberapa kajian kualiti perkahwinan dan kaitannya dengan psikologi dan fizikal individu menunjukkan kesan kualiti perkahwinan kepada individu mampu memberi kesejahteraan, kepuasan hidup, pembangunan individu dan spiritual yang tinggi (Goddard, Marshall, Olson & Dennis, 2012; Fischer & SousaPoza, 2009) mengurangi kemurungan dan kemarahan (Beach, Katz, Kim, & Brody, 2003), menggalakkan mental dan fizikal yang konsisten (Iveniuk *et. Al*, 2014; Galinsky, & Waite, 2014; Umberson, Williams, Powers, Liu, & Needham, 2006) Sebaliknya, kualiti perkahwinan yang rendah boleh mempengaruhi emosi dan kesihatan individu menjadi tidak stabil (Umberson, Williams, Powers, Liu & Needham, 2006; Williams, 2003) dan tingkah laku seperti dadah, arak, seks bebas, dan pelacuran (Wan Roslili, 2004). Sebagaimana yang kita maklumi, kes perceraian semakin meningkat dari hari ke hari dan pelbagai isu yang timbul berlaku dalam kalangan pasangan yang baru berkahwin ini.

Pelbagai usaha kerajaan Malaysia antaranya adalah menjalankan strategi pelaksaan Dasar Keluarga Negara (DKN) dengan merancang dan menyediakan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga dengan hasrat untuk mengukuhkan institusi keluarga. Melalui strategi ini, pelbagai inisiatif dalam meninjau permasalahan dan pembangunan institusi keluarga diketengahkan oleh kerajaan. Selain itu, DKN juga menekankan aspek kesejahteraan dan pembangunan keluarga melalui penilaian dengan menjalankan penyelidikan berkenaan kualiti perhubungan yang dibina antara suami dan isteri sebagai indikator pengukuhan institusi perkahwinan. Pelbagai usaha telah dijalankan dalam usaha untuk menurunkan kes penceraian di Malaysia, namun kes penceraian turut meningkat setiap tahun. Melihat kepada pentingnya kualiti perkahwinan, impak dan kesan kualiti perkahwinan yang rendah kepada institusi perkahwinan, penyelidikan diperlukan untuk merungkai beberapa faktor yang boleh membawa kepada rendahnya kualiti perkahwinan dan sebagai satu inisiatif serta usaha demi memperkuuhkan institusi keluarga, masyarakat dan generasi akan datang (Zainab, Wan & Asyraf, 2014).

Pertama, sejak abad ke-19, ramai pengkaji giat menjalankan kajian mengenai hubungan ciri-ciri personaliti individu dan kesannya kepada kualiti hubungan pasangan (Caspi *et al.* 2005; Gattis *et al.* 2004; Davila *et al.* 2003; Barelds 2005; Donnellan *et al.* 2004; Heller *et al.* 2004; Ghasemi, Etemadi, Rangi, & Dehghan, 2012; Donnellan, Assad, Robins, & Conger, 2007; Gattis, Berns, Simpson, & Christensen, 2004). Personaliti merupakan satu elemen sistem psiko-fizikal yang dinamik yang terdapat dalam diri individu yang menentukan penyesuaian individu terhadap persekitarannya. Justeru, personaliti individu biasanya memberi kesan kepada kualiti hubungan kerana ia dipengaruhi oleh banyak aspek termasuklah pengalaman hasil daripada perkembangan individu, keluarga, budaya, dan masyarakat (Zoby, 2005; Wagner & Falcke, 2001).

Rentetan daripada itu, hasil kajian terkini oleh Braithwaite *et al* (2016), mendapati personaliti merupakan prediktor kepada kestabilan, kepuasan dan kualiti dalam perhubungan. Berdasarkan kepada Goldberg (1981), personaliti ditentukan oleh *Big-Five Personaliti Model* yang terdiri daripada *neuroticism*, *extraversion*, *openness to experience*, *agreeableness* dan *conscientiousness*. Menurutnya lagi, setiap satu personaliti menerangkan tingkah laku dan sifat-sifat manusia yang berbeza. Justeru, ciri-ciri personaliti individu yang berbeza-beza ini dilihat mampu menjadi prediktor kepada kepuasan dalam perkahwinan lebih-lebih lagi apabila pasangan mempunyai personaliti yang berlawanan.

Menyedari hakikat di atas, banyak pengkaji berminat mengkaji impak personaliti ke atas kualiti hubungan. Ramai pengkaji berpendapat, individu yang mempunyai personaliti *neuroticism* seperti cepat marah, pemalu, pendiam dan sering bertukar angin dilaporkan mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang rendah (Caughlin, Huston, & Houts, 2000; Heaven, Smith, Prabhakar, Abraham, & Mete, 2006; McNulty, 2008). Walau bagaimanapun, individu yang mempunyai personaliti yang lebih positif seperti *extrovert* mempunyai sifat yang kreatif, penyabar dan sistematik dilaporkan cenderung memiliki perkahwinan yang bahagia dan lebih stabil (Gattis, Berns, Simpson, & Christensen, 2004; Roberts & Paul, 2006; Roberts, Walton & Viechtbauer, 2006, Srivastava, John, Gosling & Potter, 2003).

Namun, dalam kajian Gattis, Berns, Simpson, dan Christensen, (2004), pasangan akan lebih berpuas hati dengan perkahwinan mereka apabila salah seorang daripada mereka memiliki personaliti *emotional stability* yang mempunyai emosi yang lebih stabil. Campuran personaliti antara pasangan ini menjadikan bergantung kepada personaliti individu mana yang lebih dominan dalam menentukan kualiti dalam hubungan. Perbandingan jenis personaliti dan kesannya kepada kualiti hubungan menunjukkan faktor personaliti adalah penting dalam menentukan keutuhan sesebuah hubungan khasnya hubungan perkahwinan. Justeru, kajian ini dijangka boleh menjelaskan fungsi personaliti individu dalam hubungan perkahwinan.

Kedua, kajian semasa juga menekankan peranan gender sebagai faktor yang boleh mempengaruhi kualiti perkahwinan secara tidak langsung. Beberapa teori dan kajian lepas mendapati perbezaan gender, tugas dan tanggungjawab dalam rumah tangga boleh menjadi prediktor kepada ketidakstabilan dan mengundang pelbagai krisis dan konflik dalam rumah tangga (Jackson, Miller, Oka, & Henry, 2014; Bryant, 2003; Anar, 2011; Lai & Huang, 1995; Williams, 2003). Bagi pasangan baru berkahwin, tugas rumah tangga dan pekerjaan pada masa yang sama adalah sukar. Oleh itu, pasangan akan menghadapi kesukaran dalam menentukan bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam rumah tangga. Peranan gender ditentukan dengan konsep tradisional ataupun kesamarataan mengikut definisi Walzer (2008). Peranan gender berbeza mengikut budaya dan ianya penting dalam menentukan kualiti perkahwinan dan kehidupan secara keseluruhannya.

Sebagai contoh, kajian Xu dan Lai (2004), mendapati ideologi peranan gender sering berlaku sepanjang penyesuaian pasangan dalam perkahwinan. Bagi pasangan baru berkahwin, pengaruh peranan gender seperti tanggungjawab dan tugas merupakan prediktor penting kualiti perkahwinan (Walzer, 2008). Dalam laporan kajian Lai (2000) di Taiwan mendapati pasangan yang mempunyai peranan gender tradisional lebih mempunyai kualiti perkahwinan yang stabil. Hal ini kerana, penerimaan individu terhadap pasangan berlaku sepanjang penyesuaian. Kajian ini juga mendapati isteri masih dianggap sebagai individu yang mengurus rumah, namun kebanyakannya suami juga akan memegang tanggungjawab yang sama apabila isteri bekerja sedikit sebanyak peranan dalam rumah tangga. Ini adalah peranan gender egalitarianisme atau konsep kesamarataan. Berbanding peranan tradisional, peranan gender jenis ini lebih cenderung mempunyai ketidakstabilan dalam rumah tangga (Williams, 2003).

Melihat kepada hubungan antara peranan gender dan kualiti perkahwinan, pelbagai penyelidik mula berminat mengkaji kesan peranan gender dan penglibatan wanita dalam membentuk kerjaya (Guilbert, Vacc, & Pasley, 2000) dan lelaki menguruskan tugas rumah tangga (Veroff & Orbuch, 2003; Booth & Amato, 2001). Di Malaysia, penglibatan wanita dalam pelbagai kategori pekerjaan bukan lagi asing dalam kalangan masyarakat. Malah wanita yang berkerjaya dan berjaya semakin hari semakin banyak dalam pelbagai bidang di Malaysia. Justeru, secara tidak langsung, individu yang berkerjaya dan mempunyai pendidikan yang tinggi boleh mempengaruhi peranan individu yang lain (Bryant, 2003).

Berbanding kajian peranan gender di Asia, kedua-dua suami isteri yang tidak mengamalkan peranan gender tradisional cenderung untuk mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang lebih rendah, namun di barat seperti di Amerika Syarikat suami yang kurang mengamalkan peranan gender tradisional lebih cenderung untuk mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang lebih tinggi (Amato, Loomis & Booth, 1995; Lye & Biblarz, 1993). Justeru, kajian juga memfokuskan peranan gender sebagai faktor prediktor kepada kualiti perkahwinan.

Ketiga, terdapat juga faktor adaptasi seperti komunikasi yang boleh membantu pasangan untuk meningkatkan kepuasan, kualiti dan kestabilan dalam perkahwinan. (Jain, 2014; Kelly, Finchman & Beach, 2003; Granziano, 2001; Byers, 2005; Ebrahimi & Kimiae, 2015). Umum mengetahui bahawa, komunikasi adalah satu medium asas percakapan dan tingkah laku antara individu dengan individu yang lain. Menurut Katerine Miller (2005) komunikasi merupakan proses sosial di mana individu-individu menggunakan simbol-simbol untuk menciptakan dan menginterpretasikan makna dalam lingkungan mereka. Ini diinterpretasikan dalam dua bentuk sama ada secara lisan atau bukan lisan.

Berdasarkan kepada kajian lepas oleh Ogolsky dan Bowers (2012) dan Wheeler, Updegraff, & Thayer, (2010) mendapati komunikasi yang baik antara suami dan isteri kebiasaan kurang berhadapan dengan konflik dalam rumah tangga mereka . Kajian lain seperti kajian Hsueh *et al.*, (2012) dan Wood *et al.*, (2014) mendapati banyak keluarga dalam kalangan tidak mampu melaporkan memiliki hubungan yang lebih baik, lebih kukuh dan memuaskan hasil dari komunikasi yang baik dalam hubungan. Ini jelas menunjukkan, konflik tidak mungkin akan berlaku sekiranya komunikasi antara pasangan positif tanpa melibatkan sebarang tingkah laku negatif seperti cepat marah, stress dan kemurungan.

Berbincang mengenai kesan komunikasi dalam perkahwinan, beberapa kajian telah mendapati komunikasi yang lebih negatif seperti menggunakan panggilan atau sebutan yang tidak baik, tidak menggunakan bahasa yang efektif dan efisien dan mudah beremosi cenderung kepada perkahwinan yang lebih bermasalah (Malkoç, 2001; Doohan & Manusov, 2004; Sadeghi *et al.*, 2011; Askari, 2011). Selain itu juga, kajian di Mesir mendapati pasangan yang kurangnya masa bersama dan kurang berkomunikasi menjadi punca kepada konflik rumah tangga (Onsy & Amer, 2014). Kajian di barat juga melaporkan hasil kajian yang sama seperti Mesir, namun sebagai tambahan komunikasi yang terhad dan mempunyai sokongan yang tidak konsisten adalah faktor utama sebagai prediktor kualiti perkahwinan (Ogolsky & Bowers, 2013). Berbeza dengan kajian di Jepun, konsep komunikasi secara berbincang dan mendengar tidak semestinya membantu dalam mengekalkan kualiti perkahwinan yang baik. Konsep ini lebih kepada “*silent is better*” antara mekanisme terbaik dalam mengatasi masalah dalam rumah tangga (Kline *et al.*, 2012). Justeru, ciri-cirikomunikasi bergantung juga kepada budaya setempat.

Di Malaysia, secara umumnya, kebanyakan polis banyak tertumpu kepada meningkatkan komunikasi yang berkesan dalam mencapai tahap hubungan yang lebih baik. Contohnya, dalam Dasar Keluarga Negara (DKN), pengukuhan lebih bertumpu kepada sistem sokongan sosial seperti sistem keluarga. Hal ini membuktikan, kesan komunikasi yang berkesan boleh membawa kepada kesejahteraan keluarga. Kajian Che Hazniza (2004) dalam mengenal pasti pola komunikasi dan kualiti perkahwinan dalam kalangan kakitangan kerajaan di Terengganu mendapati masalah salah faham iaitu tidak bertoleransi, berbincang, dan bertindak untuk berdiam diri ketika berhadapan dengan konflik telah dikenal pasti menjadi faktor penyumbang utama kepada wujudnya masalah di dalam perkahwinan. Hal ini tidak mustahil menggalakkan pasangan untuk bercerai. Hasilnya, komunikasi yang lemah mengundang kepada perceraian, masalah keibubapaan, isu-isu kesihatan yang berkaitan dengan tekanan, dan keganasan rumah tangga (Tavakolizadeh, Nejatian, & Soori, 2015; Kelly, Finchman & Beach, 2003).

Justeru, berdasarkan kepada tinjauan literatur dan hasil kajian lepas mendapati medium komunikasi merupakan prediktor kepada kestabilan sesebuah perkahwinan bergantung kepada cara dan penerimaan individu terhadap penyampaian yang diberikan. Ekoran itu, komunikasi dilihat antara salah satu faktor utama yang diberi penekanan dalam kajian ini dan dilihat sangat penting dalam menentukan kualiti hubungan terutama pasangan yang baru berkahwin.

Akhir sekali, kajian semasa juga memfokuskan kepada faktor tekanan kewangan sebagai satu elemen stress yang boleh mempengaruhi kualiti perkahwinan secara langsung (Conger, Reuter, & Conger, 2000). Menurut kajian Marican, Zakaria dan Rahman (2012), tekanan kewangan adalah satu tahap di mana individu tidak mampu mencapai keperluan kewangan di sebabkan kondisi kewangan yang merosot. Ini termasuk bebanan hutang, perbelanjaan dan sebagainya dalam rumah tangga. Oleh itu, individu akan merasa beban dan mempengaruhi orang lain dalam sistem keluarga.

Selama beberapa dekad penyelidik telah bermintat dalam mengkaji faktor-faktor ekonomi yang boleh mempengaruhi kualiti perkahwinan. Hans Selye (1976) dalam teori tekanan beliau, ‘bebanan’ ini terjadi apabila pelbagai faktor, cabaran dan masalah berlaku dalam satu masa bergantung kepada situasi (*stressor*). Individu yang terlibat dalam persekitaran tersebut akan tertekan dan memberi kesan secara tidak langsung kepada individu lain terutama perkembangan anak-anak. Hasilnya, wujud masalah fizikal dan psikologi yang lain seperti penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga (Barrera *et al.*, 2002; Conger, Rueter & Elder, 1999; Cohan & Cole, 2002).

Dalam beberapa kajian lepas, individu yang terjejas oleh masalah ekonomi dan terbeban dengan masalah kewangan lazimnya dilaporkan mempunyai kualiti perkahwinan rendah (Schramm, 2003; Amato, Booth, Johnson, & Rogers, 2007; Dakin & Wampler, 2008). Terdapat juga kajian lain mendapati individu yang mempunyai tekanan kewangan yang tinggi dilaporkan memiliki kesejahteraan hidup yang rendah (Sturgeon, 2015). Dalam erti kata yang lain, kesejahteraan hidup individu bergantung kepada tahap tekanan yang diterima. Hal ini kerana, sepanjang pasangan menanggung hutang, mereka lebih cenderung untuk tidak menghabiskan masa bersama, lebih banyak bertengkar mengenai kewangan dan merasakan bahawa perkahwinan mereka adalah tidak adil dalam sesetengah perkara. Oleh itu, tahap dan pengurusan sumber ekonomi keluarga boleh menjadi punca tekanan dalam individu

Berbanding dengan individu yang berpendapatan yang lebih besar dan sumber kewangan yang stabil biasanya membawa kepada kestabilan perkahwinan yang konsisten (Stanley, Amato, Johnson, & Markman, 2006; Duncan, Huston & Weisner, 2007). Dalam kajian Dew (2008), bagi pasangan di Amerika Syarikat mendapati pasangan yang berjaya menyelesaikan sepenuhnya hutang-hutang seperti kad kredit dan pinjaman bank dilaporkan lebih bahagia dalam rumah tangga. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa elemen stress seperti tekanan keluarga menyumbang kepada keutuhan dalam perkahwinan. Bagi kajian semasa, tekanan kewangan antara faktor penting yang dibincangkan berikutnya kesannya terhadap perubahan dalam kualiti hubungan pasangan baru berkahwin.

Secara kesimpulannya, elemen psikologi iaitu personaliti, tanggungjawab bersama melalui peranan gender, komunikasi yang efektif dan tekanan mampu mempengaruhi kualiti hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung bergantung kepada penerimaan dan penyesuaian individu dalam perkahwinan mereka. Kajian kualiti perkahwinan ini dilihat penting dalam perspektif ekologi dan institusi keluarga kerana setiap satu faktor-faktor dan impaknya ke atas kualiti perkahwinan seperti yang dibincangkan mampu menyumbang kepada ilmu perkembangan psikologi khasnya generasi akan datang. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan khusus dengan tujuan untuk menentukan hubungan antara personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan ke atas kualiti perkahwinan peringkat awal dalam kalangan individu beragama Islam yang baru berkahwin.

## **1.2 Penyataan masalah**

Institusi perkahwinan masyarakat Islam Malaysia kini mengalami perubahan yang membimbangkan dari segi wujudnya konflik rumah tangga yang akhirnya membawa kepada perceraian. Sehingga hari ini, kerajaan Malaysia sangat komited dalam mendepani cabaran dan isu institusi kekeluargaan terutama pasangan yang berkahwin. Antara saranan kerajaan adalah menghasilkan Program 'Utamakan Keluarga' yang mengutamakan prinsip-prinsip seperti komunikasi efektif, imbangi kerjaya dan keluarga dan dasar mesra keluarga. Selain itu, kerajaan juga melaksanakan Program Pra-perkahwinan SMARTSTART kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin dengan usia perkahwinan di bawah 5 tahun (KPWKM, 2014).

Sungguhpun demikian, perubahan pesat yang berlaku terhadap perubahan ekonomi, budaya dan pendedahan mengenai isu keluarga di Malaysia telah menyukarkan pasangan berkahwin dalam mengatasi konflik rumah tangga dan ini berlaku pada pasangan yang baru berkahwin berbanding peringkat perkahwinan yang lain (VanLanhingham, Johnson & Amato, 2001). Ini dibuktikan oleh kajian di Amerika Syarikat sahaja 25% daripada pasangan yang pertama kali berkahwin akan bercerai dalam tempoh 5 tahun dan seawal 2 tahun perkahwinan (Bramlett & Mosher, 2001). Kesannya, jelas dapat dilihat apabila kes penceraian semakin hari semakin meningkat dalam kalangan pasangan baru berkahwin. Berdasarkan statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang dikeluarkan dalam keratan akhbar KOSMO, 14 Januari, 2016, di Malaysia menunjukkan sebanyak lebih 274,000 pasangan Islam bercerai sepanjang tempoh enam tahun. Daripada jumlah ini sahaja, 38,035 pasangan bercerai sepanjang tempoh Januari hingga Ogos tahun lalu. Ini sekali gus menimbulkan keimbangan institusi keluarga Islam di negara ini seperti kenyataan Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seperti di bawah membuktikan peringkat awal perkahwinan di ambang risiko tinggi penceraian.

*'Kajian menunjukkan tempoh perkahwinan yang berakhir dengan perceraian adalah dalam tempoh lima tahun ke bawah iaitu 37.2 peratus bagi wanita dan 35.4 peratus bagi lelaki'*

(Keratan Akhbar KOSMO, 14 Januari, 2016)

Dalam data statistik dari Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia (JPN) pula yang dikeluarkan pada tahun 2013 (sila rujuk lampiran 1.3), jumlah kes perceraian antara pasangan Islam di Malaysia semakin meningkat selepas itu. Sumber dari Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia (JAKIM) melaporkan sepanjang tahun 2009, sebanyak 135,439 perkahwinan telah didaftarkan manakala 27,891 kes perceraian direkodkan. Namun, pada tahun 2010, kes penceraian direkodkan pada tahun ini telah meningkat kepada 28,035 pasangan telah bercerai. Pada tahun 2011 pula, 140,535 perkahwinan didaftarkan manakala 27,355 kes penceraian direkodkan.

Walaupun penurunan berlaku pada tahun 2011, tahun 2012 merekodkan peningkatan kepada 29,253 kes penceraian daripada 148,806 perkahwinan yang telah didaftarkan pada tahun tersebut. Bagi peringkat negeri-negeri utama di Malaysia seperti Selangor dan Kuala Lumpur (termasuk Putrajaya) apabila ditambah, 6,165 kes penceraian dilaporkan pada tahun 2011 manakala 7,364 kes penceraian direkodkan pada tahun sebelumnya. Walaupun penurunan kes sedikit berlaku namun meningkat kembali kepada hampir 7498 kes pada tahun 2012 iaitu 26% daripada jumlah kes penceraian di Malaysia pada tahun tersebut.

Peningkatan fenomena perceraian ini menunjukkan masalah dalam perkahwinan meningkat dan selanjutnya membawa kepada permintaan dalam kajian ini untuk mengupas isu-isu berkaitan perceraian bagi pasangan Islam di Malaysia. Dalam tinjauan literatur lepas, kajian mengenai penceraian mendapati penyesuaian (Rozumah dan Rumaya, 2002), personaliti (Roberts, Walton & Viechtbauer, 2006; Christensen, *et al.*, 2004; Furukawa, Azuma & Nakano, 2002), peranan gender (Anar, 2011; Bradbury, *et al.*, 2000; Kaslow & Robinson, 1996; Rosen-Grandon, 1998; Veroff & Orbuch, 2003; Booth & Amato, 2001), dan komunikasi (Askari, Noah, Hassan, & Baba, 2012) antara faktor prediktor kualiti perkahwinan pasangan. Menurut Bronfrenbrenner (1979) dalam teori ekologi perkembangan manusia, faktor psikologi dan interaksi terutamanya personaliti atau tingkah laku individu, peranan gender dan interaksi dan komunikasi dalam proses keluarga berlaku dalam setiap peringkat dan boleh mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh yang demikian, kajian semasa akan mengkaji faktor-faktor tersebut dalam mempengaruhi kualiti perkahwinan di samping boleh membantu meninjau isu penceraian.

Dalam Teori Psikososial Erik Erikson, peringkat awal dewasa merupakan peringkat di mana individu menjalinkan hubungan intim dengan orang lain termasuklah ikatan perkahwinan. Proses ini melibatkan penerimaan individu lain dalam persekitaran. Bagi kelangsungan perhubungan, kualiti perkahwinan yang berterusan adalah amat penting (Botlani, Ahmadi , Bahrami , Shahsiah & Mohebbi, 2010). Teori ini banyak menerangkan secara dasar perkembangan individu berdasarkan pengaruh persekitaran terutama di negara-negara barat. Walau bagaimanapun, dalam konteks budaya masyarakat Malaysia terutamanya pasangan Islam, kajian mengenai kualiti perkahwinan dan faktor prediktor dengan menggunakan teori ini dalam menerangkan proses perkembangan individu seperti impak personaliti dan peranan gender tidak banyak kajian dijalankan. Justeru kajian ini dipercayai boleh membuktikan impak faktor prediktor terhadap kualiti perkahwinan secara menyeluruh.Selain itu, Model *Vulnerability Stress Adaptation* (Karney & Bradbury, 1995) juga telah digunakan dalam pelbagai kajian hubungan perkahwinan terutamanya kualiti hubungan. Model ini menerangkan elemen proses perkahwinan seperti proses adaptasi sebagai penghantar kepada tekanan hidup dan kesan vulnerabiliti.

Menurut model ini juga, individu yang boleh beradaptasi dengan baik kepada tekanan dan tahap vulnerabiliti yang tinggi mampu meningkatkan kualiti perkahwinan secara langsung. Seperti yang dinyatakan, model ini banyak digunakan secara meluas di negara barat. Walau bagaimanapun, di dapat terdapat jurang kajian yang menggunakan model ini dalam menerangkan interkorelasi antara pemboleh ubah bagi masyarakat Muslim di Malaysia, spesifiknya kepada pasangan Muslim yang baru berkahwin. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menutup jurang ini dan menggunakan VSA sebagai panduan untuk interkorelasi pemboleh ubah.

Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa faktor psikologi dan interpersonal individu adalah penting dalam mengekalkan kualiti sesuatu perhubungan. Ini termasuk umur, pendidikan, pendapatan, personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan. Kualiti perhubungan yang lemah mampu mendorong individu untuk bercerai yang dipengaruhi oleh ketidakserasan, masalah komunikasi dan ketidaksetiaan, keganasan rumah tangga, perubahan tingkah laku dan sifat personaliti, tekanan luaran seperti kesihatan mental dan fizikal, masalah kewangan, dan pekerjaan (Wolcott dan Hughes; 1999; Lingren, 1996). Justeru, kajian mengenai punca-punca yang berkaitan dengan kualiti perkahwinan perlulah diberi perhatian dalam langkah utama mencegah daripada berlakunya perceraian ke atas perkahwinan. Ini juga bertujuan untuk memastikan keberkesaan peranan institusi dalam menyampaikan maklumat dalam keberkesaan rumah tangga seperti khidmat Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan di Malaysia, program institusi kekeluargaan dan polisi. Sebahagian besar tinjauan literatur kajian mengenai kualiti perkahwinan dalam kalangan pasangan baru berkahwin banyak dijalankan di negara barat. Walau bagaimanapun, di Malaysia kajian ini terhad bukan sahaja faktor yang diberi penekanan, namun kurang bagi kajian bagi pasangan baru berkahwin atau peringkat awal perkahwinan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menentukan perkaitan antara personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan ke atas kualiti perkahwinan dan peranan komunikasi sebagai mediator ke atas hubungan personaliti dan peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

### 1.3 Persoalan kajian

Apakah ciri-ciri personal (jantina, umur, pendidikan dan pendapatan, tahap personaliti (*emotional stability, extraversion, openness, agreeableness, conscientiousness*), peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan responden?

Sejauh manakah ciri-ciri personal, personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan mempengaruhi kualiti perkahwinan responden?

Apakah faktor peramal unik bagi kualiti perkahwinan responden?

Sejauh manakah komunikasi bertindak sebagai pengantar mediator kepada hubungan antara personaliti, peranan gender dan tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan responden?

## **1.4 Objektif kajian**

Dalam topik ini, objektif kajian akan dinyatakan dalam dua bahagian iaitu objektif am yang merujuk secara objektif keseluruhan kajian dan objektif khusus.

### **1.4.1 Objektif Am**

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara personaliti (*Emotional stability* (ES), *Extraversion* (EX), *Openness to experience* (O), *Agreeableness* (A), dan *Conscientiousness* (C)), peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan ke atas kualiti perkahwinan peringkat awal dalam kalangan individu beragama Islam yang baru berkahwin. Sebagai tambahan, kajian ini juga bertujuan dalam menentukan peranan komunikasi sebagai mediator dalam perhubungan antara personaliti, peranan gender dan tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan.

### **1.4.2 Objektif khusus**

#### Objektif 1

Memerihalkan ciri-ciri personal (jantina, umur, pendidikan dan pendapatan) dan tahap personaliti (ES, EX, O, A dan C), peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan dalam kalangan responden.

#### Objektif 2

Menentukan perkaitan di antara ciri-ciri personal (umur, pendidikan dan pendapatan), personaliti (ES, EX, O, A dan C), peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan dalam kalangan responden.

#### Objektif 3

Menentukan faktor peramal unik kualiti perkahwinan dalam kalangan responden.

#### Objektif 4

Mengkaji kesan pengantaraan komunikasi sebagai mediator dalam perhubungan antara personaliti, peranan gender dan tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan.

## **1.5 Hipotesis kajian**

Kajian ini menggunakan jenis hipotesis alternatif. Kajian yang lepas mendapati wujud hubungan yang signifikan antara ciri-ciri personal termasuklah umur, pendidikan dan pendapatan, personaliti (ES, EX, O, A dan C), peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan. Justeru hipotesis berikut telah dibentuk berdasarkan objektif khusus 2, 3 dan 4 bagi menjalankan kajian ini. Terdapat 19 hipotesis kesemuanya

Objektif 2: Menentukan perkaitan di antara ciri-ciri personal (umur, pendidikan dan pendapatan), personaliti (ES, EX, O, A dan C), peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan dalam kalangan responden

- H<sub>A1</sub>: Responden yang lebih berumur cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A2</sub>: Responden yang berpendidikan tinggi cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A3</sub>: Responden yang berpendapatan tinggi cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A4</sub>: Responden yang mempunyai personaliti (ES) cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A5</sub>: Responden yang mempunyai personaliti (EX) cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A6</sub>: Responden yang mempunyai personaliti (O) cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A7</sub>: Responden yang mempunyai personaliti (A) cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A8</sub>: Responden yang mempunyai personaliti (C) cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.
- H<sub>A9</sub> : Responden yang mempunyai peranan gender tradisional cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.

H<sub>A</sub>10: Responden yang mempunyai tahap komunikasi dalam perkahwinan yang tinggi cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.

H<sub>A</sub>11: Responden yang mempunyai tekanan kewangan yang rendah cenderung memiliki tahap kualiti perkahwinan yang tinggi.

Objektif 3: Menentukan faktor peramal unik kualiti perkahwinan dalam kalangan responden.

H<sub>A</sub>12: Umur, pendidikan, pendapatan, personaliti (ES, EX, O, A dan C), peranan gender, komunikasi, dan tekanan kewangan apabila dikawal secara statistik akan signifikan menyumbang kepada hubungan linear kualiti perkahwinan

Objektif 4: Mengkaji kesan pengantaraan komunikasi sebagai mediator dalam perhubungan antara personaliti, peranan gender dan tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>13: Komunikasi berfungsi sebagai pembolah ubah mediator secara signifikan ke atas personaliti (ES) dan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>14: Komunikasi berfungsi sebagai pembolah ubah mediator secara signifikan ke atas personaliti (EX) dan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>15: Komunikasi berfungsi sebagai pembolah ubah mediator secara signifikan ke atas personaliti (O) dan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>16: Komunikasi berfungsi sebagai pembolah ubah mediator secara signifikan ke atas personaliti (A) dan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>17: Komunikasi berfungsi sebagai pembolah ubah mediator secara signifikan ke atas personaliti (C) dan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>18: Komunikasi berfungsi sebagai pembolah ubah mediator secara signifikan ke atas peranan gender dan kualiti perkahwinan.

H<sub>A</sub>19: Komunikasi menjadi mediator yang signifikan kepada tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan.

## **1.6 Kepentingan kajian**

Dalam era negara Malaysia menuju peningkatan penduduk serta peratus perkahwinan dan penceraian yang semakin meningkat, kajian ke atas kualiti perkahwinan dalam kalangan dewasa adalah signifikan untuk dilaksanakan untuk memastikan institusi keluarga terjamin. Sungguhpun demikian, kajian berkaitan adalah terhad dan masih kurang diberi tumpuan. Kepentingan kajian ini membincangkan bagaimana sesuatu hasil kajian berguna kepada individu, masyarakat, budaya dan bagaimana ianya diaplikasikan semasa dalam komuniti setempat (Maxwell, 1996). Fokus kajian ini adalah ke atas individu fasa peringkat awal perkahwinan. Justeri, kepentingan kajian ini diharap boleh membantu pembangunan pengetahuan sedia, pembinaan teori, implikasi praktikal bagi institusi kekeluargaan, organisasi dan membentuk polisi baru untuk masa hadapan. Kajian juga diharap boleh memberikan maklumat penting yang berpotensi dirujuk oleh para penyelidik, badan kerajaan dan bukan kerajaan dan juga ahli keluarga, terutama anak dewasa. Hasil kajian akan menyumbang kepada pemahaman secara menyeluruh peranan kualiti perkahwinan dalam kalangan pasangan adalah sangat penting dalam kehidupan berkahwin.

Jika kualiti hubungan perkahwinan antara pasangan suami isteri di Malaysia adalah tinggi, masyarakat tidak mungkin terdedah kepada masalah keluarga, kerana keluarga mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat (Saroukhani 1991). Kepentingan kajian secara menyeluruh dibincangkan yang merangkumi perkara tersebut. Pertama, kepentingan kajian ini bagi melihat sejauh manakah faktor psikologi dan interpersonal dan impaknya ke atas kualiti perkahwinan individu yang baru berkahwin di Malaysia. Oleh yang demikian, dapatan kajian menyumbang kepada peningkatan ilmu pengukuhan dalam bidang ini. Hasil kajian ini juga penting bagi pengukuhan teori yang menekankan bidang perkembangan psikologi. Teori yang dibina boleh dijadikan tinjauan literatur kajian akan datang yang digunakan sebagai maklumat kepada masyarakat dan bahan pengetahuan kepada penyelidik-penyalidik dan badan-badan bukan organisasi untuk dijadikan bahan rujukan dan pengukuhan teori sedia ada. Dapatan kajian ini juga berpotensi untuk dijadikan bahan rujukan bagi membantu organisasi yang terlibat dalam merancang sebarang bentuk program kekeluargaan yang boleh membimbing pasangan dalam membentuk satu sistem kekeluargaan yang baik bagi menjamin masa depan komuniti dan masyarakat.

Selain itu, kepentingan kajian ini signifikan bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKM) dalam merangka polisi, praktikal dan program untuk masyarakat setempat dalam meninjau fenomena sebenar perkahwinan dan penceraian yang berlaku dalam masyarakat setempat. Kajian ini juga penting kepada pihak-pihak yang terlibat dengan penggubalan, penambahbaikan polisi, program dan aktiviti sebagai input dalam melaksanakan sebarang bentuk program untuk pembangunan keluarga dan sahsiah bagi pasangan yang telah berkahwin. Dengan adanya gambaran isu kualiti perkahwinan pasangan di Malaysia, perancangan pembangunan keluarga diharap boleh membantu sedikit sebanyak mengurangkan kadar penceraian yang berlaku dalam komuniti di samping merancang bentuk pencegahan dalam membendung masalah tersebut.

## **1.7 Definisi istilah**

Dalam sub topik ini, definisi konseptual dan operasional akan diterangkan secara terperinci yang terdiri daripada pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar.

### **1.7.1 Kualiti Perkahwinan**

Secara definisi konseptual, kualiti perkahwinan merupakan satu penilaian dalam mengukur kepuasan, kebahagiaan, keharmonian, integrasi, komitmen dan penyesuaian dalam perkahwinan (Spanier & Lewis, 1980).

Manakala, definisi operasi kualiti perkahwinan merujuk kepada skor responden ke atas instrumen *Dyadic Adjustment Scale* oleh Spanier (1979). Terdapat 4 sub skala iaitu *Dyadic Concessus* yang merujuk kepada persepsi individu dalam tugas dan tanggungjawab, *Dyadic Satisfaction* dalam mengukur tahap kesejahteraan dan tingkah laku dalam perkahwinan, *Dyadic Cohesion* mengukur perkaitan emosi antara individu melalui minat dan stimulus, dan akhir sekali adalah *Affectional Expression* dalam mengukur persetujuan seksual dan cinta. Skor yang tinggi menunjukkan responden memiliki tahap diadik penyesuaian dalam perhubungan yang lebih baik yang menggambarkan kualiti perkahwinan yang tinggi.

### **1.7.2 Personaliti**

Personaliti merupakan cara di mana individu bertindak dan berinteraksi dengan individu lain dan cara tingkah laku ini digambarkan oleh ciri-ciri yang ditunjukkan oleh seseorang individu tersebut (Goldberg, 1981) secara konsepnya.

Namun, definisi operasi personaliti merujuk kepada skor dalam *Goldberg's Unipolar Big Five Markers* (Saucier, 1994). Skor tinggi bagi personaliti *emotional stability-neuroticism* menunjukkan individu memiliki *emotional stability* yang lebih tinggi seperti kestabilan emosi. Bagi personaliti *Extroversion-Introversion*, skor tinggi menunjukkan individu lebih kepada ciri-ciri *extraversion* seperti suka bergaul dan ekspresi emosi. Selain itu, skor tinggi bagi personaliti *openness to Experience-Intellect* menunjukkan individu lebih kepada *openess* seperti sikat keterbukaan. Selain itu juga, skor tinggi bagi personaliti *agreeableness-antagonism* menunjukkan individu memiliki ciri-ciri agreeableness seperti pemurah, amanah, sopan dan prososial manakala skor tinggi bagi personaliti *conscientiousness-undirectedness* menunjukkan individu lebih kepada conscientiousness seperti kawalan impuls dan matlamat dalam diri manakala

### **1.7.3 Peranan Gender**

Definisi konseptual peranan gender merujuk kepada tingkah laku yang terdiri daripada 1) tradisional iaitu individu biasanya bertindak balas kepada orang lain berdasarkan sikap stereotaip; ciri-ciri yang berkaitan dengan seks mereka; cenderung untuk melihat peranan perkahwinan sebagai khusus dan berbeza berdasarkan sistem suami pencari nafkah/isteri-ibu atau suri rumah dengan struktur kuasa tersirat dan 2) egalitarian atau bukan tradisional iaitu individu biasanya bertindak balas kepada orang lain bebas; menekankan kapasiti dikongsi untuk output ekonomi, *nurturance* kekeluargaan, & kuasa hubungan dalam hubungan (King *et al.*, 1981).

Namun, berdasarkan definisi operasi, peranan gender diukur dengan menggunakan *The Attitude towards Gender Roles Scale* (AGR) oleh Amato & Booth (1991). Instrumen ini menerangkan tingkah laku individu dalam peranannya dalam keluarga berdasarkan kepada peranan gender. Skor tinggi untuk pengukuran ini menunjukkan individu lebih kepada peranan gender egalitarian.

### **1.7.4 Komunikasi dalam perkahwinan**

Berdasarkan definisi konseptual, komunikasi perkahwinan yang ditakrifkan oleh Bienvenu (1969) adalah merupakan satu bentuk interaksi, pertukaran perasaan dan emosi sebagai pasangan suami dan isteri yang cuba untuk memahami antara satu lain sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan.

Namun, bagi definisi operasi, Komunikasi secara operasi merujuk kepada nilai skor dalam instrumen (ENRICH) : *Three Couple Scale* - skala komunikasi oleh Olson dan Larson (2008) yang digunakan dalam mengukur kualiti komunikasi antara pasangan. Skor tinggi untuk pengukuran ini menunjukkan tahap komunikasi antara pasangan adalah tinggi.

### **1.7.5 Tekanan kewangan**

Definisi konseptual bagi tekanan kewangan adalah ditakrifkan sebagai perasaan atau tindak balas yang tidak menyenangkan apabila sesuatu perkara tidak dapat memenuhi permintaan kewangan, kemampuan dan mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup. Perasaan dan tindak balas ini kebiasaannya termasuk emosi takut, kebimbangan, dan ketakutan tetapi juga boleh termasuk kemarahan dan kekecewaan (Davis & Mantler, 2004).

Manakala, definisi operasi tekanan kewangan merujuk kepada skor responden ke atas instrumen *The Incharge Financial Distress/Financial Well-Being Scale* (IFDWS) yang dibangunkan oleh Prawitz *et al.*, (2006). Ianya digunakan dalam mengukur tahap tekanan kewangan ataupun kesejahteraan kewangan seseorang individu yang melihat kepada beberapa aspek seperti tekanan, kebimbangan, kepuasan dan sebagainya. Bagi tekanan kewangan, skor tinggi bagi instrumen ini merujuk kepada tinggi tekanan kewangan/rendah kesejahteraan kewangan.

## 1.8 Kerangka teoritikal


Model *Vulnerability–Stress–Adaptation* (VSA) yang dipelopori oleh Karney & Bradbury (1995) menyediakan satu rangka teori bagi menjelaskan bagaimana perkahwinan berubah mengikut masa ke masa (Karney & Bradbury, 1995). Ianya membincangkan bagaimana faktor personal dan interpersonal mempengaruhi kualiti perkahwinan (sila rujuk Bab 2 untuk penerangan Model VSA). Namun dari perspektif perkembangan individu, pemboleh ubah prediktor akan berubah daripada semasa ke semasa dan perubahan ini akan menjadi penting terutama dalam memahami perkahwinan itu sendiri. Teori perkembangan psikososial Erik Erikson menerangkan kitaran kehidupan (*Life Span Cycle*) yang setiap satunya dikategorikan mengikut tahap konflik yang berlaku dalam perkembangan. Bagi pasangan yang berkahwin, perkembangan ini berlaku pada peringkat awal dewasa (*early adults*). Seperti yang diterangkan dalam teori ini, individu akan melalui perkembangan ego yang melibatkan keintiman dan perpaduan dengan individu lain. Dalam erti kata lain, individu akan mula menjalinkan perhubungan yang akrab dengan individu lain.

Di awal perkembangan dewasa, individu akan mula mencari satu atau lebih sahabat ataupun pasangan. Dalam usaha untuk mencari pasangan, individu kemudiannya membentuk satu hubungan melalui perkahwinan dan mewujudkan institusi keluarga. Justeru, individu mula mencari kepuasan dalam perhubungan bersama individu lain seperti bertukar pendapat, hidup bersama, komunikasi, penyesuaian dan pengurusan konflik. Menurut Erikson, apabila peringkat perkembangan ini berjaya, individu akan mencapai intim bersama pasangan. Walau bagaimanapun, halangan akan menyebabkan pengasingan diri daripada individu lain dan seterusnya memberi impak kepada kualiti dan perhubungan pasangan. Justeru, impak dalam menerangkan kualiti dalam perhubungan pasangan yang berkahwin dan ini bergantung kepada tiga faktor yang saling berkaitan. Tiga faktor tersebut berdasarkan model VSA adalah :

1. *Enduring Vulnerabilities*: menerangkan ciri-ciri individu yang stabil (contohnya: personaliti, peranan gender, tingkah laku)
2. *Stressful Events*: cabaran yang terdapat dalam kehidupan harian (contohnya, sosioekonomi, pekerjaan, kehamilan, kewangan)
3. *Adaptive Processes*: Interaksi pasangan (contohnya, keupayaan menyelesaikan masalah, sokongan, komunikasi, interaksi, keagamaan)

Bagi kajian semasa, model VSA ini digunakan sebagai kerangka teori dalam menerangkan ciri-ciri personaliti, peranan gender, komunikasi dan tekanan kewangan dan bagaimana ianya mempengaruhi kualiti perkahwinan dalam perspektif perkembangan individu. Menurut Karney & Bradbury (1995), prediktor utama dalam menentukan kualiti perhubungan secara amnya dan perkahwinan secara khasnya adalah melalui perkaitan faktor seperti Rajah 1.1 dibawah. Faktor pertama adalah *Enduring Vulnerabilities* yang didefinisikan sebagai satu bentuk sikap, perilaku, pengalaman, budaya dan ciri-ciri personal yang ada pada diri individu tersebut. Justeru, sikap dan pengalaman yang ada pada individu ini dibawa dan boleh mempengaruhi unit yang lain terutama pasangan.


Faktor kedua adalah *Stressful Event* iaitu peristiwa yang berlaku sepanjang hidup termasuklah seperti tiada pekerjaan, tekanan kewangan dan kedatangan anak pertama yang sama sekali boleh mempengaruhi kualiti perkahwinan pasangan. Akhir sekali, faktor *Adaptive Process* merupakan satu daya tindak dan unit komunikasi seperti kemahiran mendengar yang baik, menerima pandangan orang lain, dan lebih konstruktif berbanding destruktif dalam berbincang. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada objektif dan personalan kajian, kajian ini menggunakan kerangka teori dalam model *Vulnerability-Stress Adaptation of Marriage* dan Teori Psikososial Erik Erikson dalam menentukan perhubungan antara personaliti, peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dengan kualiti perkahwinan. Selain daripada itu, teori ini juga menerangkan kesan mediator komunikasi ke atas hubungan antara personaliti, peranan gender dan kualiti perkahwinan.



**Rajah 1.1 :** Kerangka teoritikal di adaptasi daripada Teori perkembangan psikososial (Erik Erikson, 1950) dan *Vulnerability-Stress Adaptation Model of Marriage* (VSA) (Karney & Bradbury, 1995)

## 1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual bagi kajian ini dibina berdasarkan kepada kandungan *Vulnerability-Stress Adaptation Model of Marriage* serta berdasarkan kepada persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam bab sebelumnya. Ianya juga dibentuk berdasarkan kepada pembentukan tujuan, objektif dan pengujian hipotesis dalam kajian. Berpandukan kepada Rajah 1.2, terdapat enam pemboleh ubah utama yang dinyatakan dalam kajian. Pemboleh ubah tersebut merangkumi, ciri-ciri personal, personaliti, peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan. Tiga klasifikasi pemboleh ubah iaitu 1) Pemboleh ubah antisiden iaitu ciri-ciri personal (umur, gender, pendapatan), 2) Pemboleh ubah tidak bersandar iaitu personaliti (ES, EX, O, A dan C), peranan gender, komunikasi dalam perkahwinan dan tekanan kewangan; dan 3) Kualiti perkahwinan diuji sebagai *outcome* iaitu pemboleh ubah bersandar.



Rajah 1.2 : Kerangka konseptual “Hubungkait Antara Personaliti, Peranan Gender, Komunikasi, Tekanan Kewangan Dan Kualiti Perkahwinan Dalam Kalangan Individu Muslim Baru Berkahwin Di Lembah Klang, Malaysia”

## **1.10 Susunan penulisan**

### Bab 1

Menerangkan pengenalan, latar belakang kajian dan kepentingan pengajian. Matlamat dan persoalan kajian kajian dinyatakan bersama-sama dengan kerangka teori dan kerangka konsep kajian.

### Bab 2

Membincangkan mengenai kualiti perkahwinan berdasarkan kepada tinjauan literature yang dan perspektif psikologi yang lainnya.

### Bab 3

Menerangkan mengenai kaedah penyelidikan, sampel teknik, instrumen, kajian rintis, proses dan prosedur dalam mendapatkan sampel, analisis data, penyediaan data.

### Bab 4

Membincangkan mengenai responden latar belakang demografi dan analisis univariat dan multivariate. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS dalam menguji objektif, persoalan dan hipotesis penyelidikan.

### Bab 5

Membincangkan ringkasan hasil kajian, kesimpulan, had, cadangan dan implikasi untuk kajian akan datang.

## **1.11 Rumusan**

Secara kesimpulannya, bab ini membincangkan keseluruhan konsep kajian dalam meneroka isu perkahwinan melalui kualiti perkahwinan di peringkat awal. Bermula dengan ringkasan latar belakang kualiti perkahwinan dan faktor risiko serta pelindung seterusnya kepada isu penceraian sebagai isu utama yang telah dinyatakan dalam pernyataan masalah. Kemudian, persoalan dan objektif kajian dibincangkan dengan lebih spesifik dalam mencapai matlamat kajian. Akhir sekali penerangan kerangka teori dan konseptual diterangkan sebagai penyokong keseluruhan konsep kajian ini. Dalam bab 2 seterusnya, setiap konsep teori dan konseptual akan diterangkan dengan lebih spesifik.

## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*, 2010. Jabatan Pendaftaran Negara, 2010
- \_\_\_\_\_. *Perkahwinan orang Islam mengikut negeri*, 2019 - 2012. Jabatan Pendaftaran Negara, 2013.
- \_\_\_\_\_. *Worldwide Marriage and Divorce Rate*, 2015. United Nation Statistic Division, 2015
- Ahmadi, K., Saadat, H., & Noushad, S. (2016). Leisure Activity Patterns and Marital Conflict in Iran. *Journal of Iranian Red Crescent Medical*, 18 (1)
- Allendorf, K. (2013). Determinants of Marital Quality in an Arranged Marriage Society. *Journal of Social Science research*, 42(1), 59–70. <https://doi:10.1016/j.ssresearch.2012.09.002>
- Amato, P., Loomis, L., & Booth, A. (1995). Parental divorce, parental marital conflict, and offspring well-being during early adulthood. *Social Forces*, 73, 895-915.
- Amato, P., Johnson, D., Booth, A., & Rogers, S. (2003). Continuity and change in marital quality between 1980 and 2000. *Journal of Marriage and Family*, 65, 1-22.
- Anar, B. (2011). Investigation of marital satisfaction and job satisfaction and working relationship with the gender roles of married adults. M.a.thesis. Adana Cukurova University
- Askari, M., Noah, S. B. M., Hassan, S. A. B., & Baba, M. B. (2012). Comparison the effects of communication and conflict resolution skills training on marital satisfaction. *International Journal of Psychological Studies*, 4, 182-195.
- Askari, M. (2011). Effects of communication and conflict resolution skills training on marital satisfaction and mental health among Iranian couples. School of Graduate Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Barelds, D. P. H. (2005). Self and partner personality in intimate relationships. *European Journal of Personality*. 19, 501-518
- Baxter, J. (1992). Power, attitudes and time: The domestic division of labour. *Journal of Comparative Family Studies*, 23 (2), 165-182
- Beach, S. R. H., Katz J., Kim S, Brody G. H. (2003). Prospective effects of marital satisfaction on depressive symptoms in established marriages: A dyadic model. *Journal of Social and Personal Relationships*. 20, 355–371.
- Bidwell, L. M. & Vander Mey B. J.. (2000). Sociology of the Family: Investigating Family Issues. Allyn & Bacon.
- Boerner, K., Jopp, D. S., Carr, D., Sosinsky, L., & Kim, S. K. (2014). “His” and “her” marriage? The role of positive and negative marital characteristics in global marital satisfaction among older adults. *The Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 69, 579–589. doi: 10.1093/geronb/gbu032

- Booth, A. & Amato, P. (2001). Parental pre-divorce relations and offspring post-divorce wellbeing. *Journal of Marriage and Family*, 63, 197-212.
- Booth, A., Johnson, D. R., Branaman, A., & Sica, A. (1995). Belief and Behavior: Does Religion Matter? *Journal of Marriage and Family*, 57, 661-671.
- Bradbury, T. N. & Fincham, F. D. (1987). Affect and cognition in close relationships: Toward an integrative model. *Journal of Cognition and Emotion*, 1, 59-87.
- Bradbury, T. N., & Lavner, J. A. (2012). How can we improve preventive and educational interventions for intimate relationships? *Journal of Behavior Therapy*, 43, 113-122.
- Bradbury, T. N., Fincham, F. D., & Beach, S. R. H. (2000). Research on the nature and determinants of marital satisfaction: A decade in review. *Journal of Marriage and the Family*, 62, 964-980
- Bramlett, D. M. & Mosher, W. D. (2001). First Marriage Dissolution, Divorce, and Remarriage:United States, 323
- Bramon, C. L. (2000). Marriage in Michigan, factors that affect satisfaction IPPSR
- Bronfenbrenner, U. (1972). Two worlds of childhood: U.S. and U.S.S.R. New York: Simon and Schuster
- Bryant, A. (2003). Changes in attitudes toward women's roles: Predicting gender-role traditionalism among college students. *Journal of Sex Roles*, 48, 131-142.
- Burpee, Leslie C., & Ellen J. Langer. (2005) Mindfulness and marital satisfaction. *Journal of Adult Development*, 1, 43- 51
- Carr, D., Freedman, V. A., Cornman, J. C., & Schwarz, N. (2014). Happy marriage, happy life? Marital quality and subjective wellbeing in later life. *Journal of Marriage and Family*, 76, 930-948. <https://doi:10.1111/jomf.12133>
- Carrère, S., Buehlman, K. T., Gottman, M. J., Coan, J., A., & Ruckstuhl, L. (2000). Predicting Marital Stability and Divorce in Newlywed Couples. *Journal of Family Psychology*, 14 (1), 42-58
- Caughlin, J. P., Huston, T. L., & Houts, R. M. (2000). How does personality matter in marriage? An examination of trait anxiety, interpersonal negativity and marital satisfaction. *Journal of Personality and Social Psychology*, 78, 326-336.
- Çetinkaya, S. K., & Gençdoğan, B. (2014). The relationship between marital quality, attitudes towards gender roles and life satisfaction among the married individuals. *Journal of Psychology, Society & Education*, 6(2), 94
- Chinitz, J. G. & Robert A. B. (2001). "Religious Homogamy, Marital Conflict, and Stability in Same-Faith and Interfaith Jewish Marriages." *Journal for the Scientific Study of Religion*, 40, 723-733.
- Christensen, A., Atkins, D. S., Berns, S., Wheeler, J., Baucom, D. H. & Simpson, L. E. (2004). Traditional versus Integrative Behavioral Couple Therapy for Significantly and Chronically Distressed Married Couples, *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 72, 176-191

- Cohan, S. W., & Cole, C. L. (2002). Life course transitions and natural disaster: Marriage, birth, and divorce following Hurricane Hugo. *Journal of Family Psychology*, 16 (1), 14-25.
- Conger, R. D., Ruete, M. A. & Elder, G. H. J. (1999). Couple Resilience to Economic Pressure. *Journal of Personality and Social Psychology*, 76 (1), 54-71
- Creasey, G. (2002). Associations between working models of attachment and conflict management behavior in romantic couples. *Journal of Counseling Psychology*, 49 (3), 365-375
- Cummings, E. M., & Davies, P. T. (2010). Marital conflict and children: An emotional security perspective. New York: Guilford.
- Davis, C.G. & Mantler, J. (2004). The Consequences of Financial Stress for Individuals, Families, and Society. Centre for Research on Stress, Coping and Well-being Carleton University, Ottawa.
- Dixon, L. J., Gordon, K. C., Frouskakis, N. N., & Schumm, J. A. (2012). A study of expectations and the marital quality of participants of a marital enrichment seminar. *Journal of Family Relations*, 61, 75-89.
- Donnellan, M. B., Conger, R. D., & Bryant, C. M. (2004). The Big Five and enduring marriages. *Journal of Research in Personality*, 38, 481-504
- Donnellan, M. B., Assad, K. K., Robins, R. W., & Conger, R. D. (2007). Do negative interactions mediate the effects of negative emotionality, communal positive emotionality, and constraint on relationship satisfaction? *Journal of Social and Personal Relationships*, 24, 557-573.
- Donnellan, M. B., Conger, R. D. & Bryant, C. M. (2004). The big five and enduring marriages. *Journal of Research in personality*, 38 (5), 481-504.
- Donnellan, M.B., Conger, R.D., & Bryant, C.M. (2004). The big five and enduring marriages. *Journal of Research in Personality*, 38, 481-504.
- Dyrenforth, P. S., Kashy, D. A., Donnellan, M. B., & Lucas, R. E. (2010). Predicting relationship and life satisfaction from personality in nationally representative samples from three countries: The relative importance of actor, partner, and similarity effects. *Journal of Personality and Social Psychology*, 99, 690 – 702.
- Fan, P., & Marini, M. (2000). Influences on gender-role attitudes during the transition to adulthood. *Journal of Social Science Research*, 29, 258-283.
- Fincham, F. D. & Beach, S. R. H. (2010). Marriage in the New Millennium: A Decade in Review. *Journal of Marriage and family*, 72 (3), 630-649
- Fincham, F. D. (2003). Marital conflict: Correlates, structure and context. *Journal of Current Directions in Psychological Science*, 12, 23–27.
- Fincham, F. D., Beach, S. R. H., & Kemp-Fincham, S. I. (1997). Marital quality: A new theoretical perspective. In R. J. Sternberg & M. Hojjat (Eds.), Satisfaction in close relationships (pp. 275–304). New York: Guilford
- Finnis, J. (2008). Marriage: A Basic and Exigent Good. *The monist*. 91, 388-406
- Fischer, J. A. V., & Sousa-Poza, A. , (2009) The effect of pension generosity on early retirement, A Micro-Data Analysis for Europe from 1967 to 2004.

- Fisiloglu, H., & Demir, A. (2000) Applicability of the Dyadic Adjustment Scale of MaritalQuality with Turkish Couples. European *Journal of Psychological Assessment*, 16, 214-218
- Furukawa, T. A., Hori, S., Azuma, H., & Nakano, Y. (2002). "Parents, personality or partner? Correlates of marital relationships.". *Journal of Social Psychiatry Epidemiol*, 37, 164- 168.
- Galinsky, A. M., & Waite, L. J. (2014). Sexual activity and psychological health as mediators of the relationship between physical health and marital quality. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, gbt165.
- Gattis, K. S., Berns, S., Simpson, L. E., & Christensen, A. (2004). Birds of a feather or strange birds? Ties among personality dimensions, similarity, and marital quality. *Journal of Family Psychology*, 18, 564 – 574.
- Gattis, K. S., Simpson, L. E., Christensen, A., Berns, S. (2004). Birds of a feather or strange birds? Ties among personality dimensions, similarity, and marital quality. *Journal of Family Psychology*, 18 (4), 564-574.
- Ghasemi, H., Etemadi, O., Rangi, V., & Dehghan, S. (2012). The relationship between personality traits and marital satisfaction. Proceedings of the First National Conference on Personality and New Life.
- Glenn, N. D., & Weaver, C. N. (1979). A note on family situation and global happiness. *Journal of Social Forces*, 57, 960-967.
- Glenn, N. D. & Weaver, C. N. (1979). A note on family situation and global happiness. *Journal of Social Forces*, 57, 960-967.
- Goddard, H. W., Marshall, J. P., Olson, J. R., & Dennis, S. A. (2012). Character strengths and religiosity as predictors of marital satisfaction in a sample of highly religious and divorce-prone couples. *Journal of Couple & Relationship Therapy*, 11 (1), 2-15.
- Goldberg, L. R. (1981). From Ace to Zombie: Some Exploration in the language of persionality. In. C.D. Spielberger & J.N. Butcher (eds.) Advance in Personality assessment (1). Hillsdale, N.J.; Eribaum.
- Goldner, V. The Treatment of Violence and Victimization in Intimate Relationships. *Journal of Family Process*, 37 (3), 263-286.
- Gonzaga, S., Campos, R., & Bradbury, T. N. (2007) Similarity, Convergence, and Relationship Satisfaction in Dating and Married Couples. *Journal of Personality and Social Psychology*, 2007, 93 (1), 34 – 48.
- Gottman, J. M. & Levenson, R. W. (2000) The role of positive affect in long-term marital stability. *Journal of Marriage and the Family*, 45, 11-33.
- Gottman, J. M., Coan, J., Carrère, S. & Swanson, C. (1998). Predicting marital happiness and stability from newlywed interactions. *Journal of Marriage and the Family*, 60, 5-22.
- Guilbert, D., Vacc, N., & Pasley, K. (2000). The relationship of gender role beliefs, negativity, distancing, and marital instability. *The Family Journal*, 8, 124-132.

- Gwanfogbe, P. N., Schumm, W. R., Smith, M., & Furrow, J., L. (1997). Polygyny and marital life satisfaction: An exploratory study from rural Cameroon. *Journal of Comparative Family Studies*, 28, 55–71.
- Hamamci, Z. (2005). Dysfunctional relationship beliefs in marital satisfaction and adjustment. *Journal of social Behavior and Personality*. 33 (4), 313-328
- Harper, J. M., Schaalje, B. G., & Sandberg, J. G. (2000). Daily hassles, intimacy, and marital quality in later life marriages. *American Journal of Family Therapy*, 28, 1-18.
- Heaven, P. C. L., Smith, L., Prabhakar, S. M., Abraham, J., & Mete, M. E. (2006). Personality and conflict communication patterns in cohabiting couples. *Journal of Research in Personality*, 40, 829–840
- Hodge, D. R. (2007). A Systematic Review of the Empirical Literature on Intercessory Prayer. *Research on Social Work Practice* 17, 174
- Holt-Lunstad, J., Birmingham, W., & Jones, B., Q. (2008). Is there something unique about marriage? The relative impact of marital status, relationship quality, and network support on ambulatory blood pressure and mental health. *Annals of Behavioral Medicine*, 35, 239-244.
- Hsueh, J., Alderson, D. P., Lundquist, E., Michalopoulos, C., Gubits, D., Fein, D., & Knox, V. (2012). The supporting healthy marriage evaluation: Early impacts on low-income families. OPRE Report 2012-11. Washington, DC: Administration for Children and Families, U.S. Department of Health and Human Services
- Humbad, M. N., Donnellan, M. B., Iacono, W. G., & Burt, S. A. (2010). The association of marital quality with personality and psychopathology: Results from a very large sample of married couples. *Journal of Abnormal Psychology*, 119, 151–162
- Huston, T. L., Caughlin, J. P., Houts, R. M., Smith, S. E., & George, L. J. (2001). The connubial crucible: Newlywed years as predictors of marital delight, distress, and divorce. *Journal of Personality and Social Psychology*, 80, 237-252.
- Iveniuk, J., Waite, L. J., Laumann, E., McClintock, M. K., & Tiedt, A. D. (2014). Marital conflict in older couples: Positivity, personality, and health. *Journal of Marriage and Family*, 76, 130–144. <https://doi:10.1111/jomf.12085>
- Jackson, J. B., Miller, R. B., Oka, M., & Henry, R. G. (2014). Gender differences in marital satisfaction: A meta-analysis. *Journal of Marriage and Family*, 76, 105–129. <https://doi:10.1111/jomf.12077>
- John, O. P., Hampson, S. E., & Goldberg, L. R. (1991). Is there a basic level of personality description? *Journal of Personality and Social Psychology*, 60, 348-361.
- Johnson, K. D. (2015). Marital Expectation Fulfillment and its Relationship to Height of Marital Expectations, Optimism, and Relationship Self-Efficacy Among Married Individuals.
- Kapteyn, A., Lee, J., Tassot, C., Vonkova, H., & Zamarro, G. (2013). Dimensions of subjective well-being (Working paper. 2013-005). Playa Vista, CA: Dorrsife

- Center for Economic and Social Research. Retrieved from [https://cesr.usc.edu/documents/WP\\_2013\\_005.pdf](https://cesr.usc.edu/documents/WP_2013_005.pdf) [July 2013]
- Karney, B. R. & Bradbury, T. N. (1995). The longitudinal course of marital quality and stability: A review of theory, method, and research. *Psychological Bulletin, 118*, 3-34.
- Karney, B. R. (2010). A science of healthy relationships is not a healthy relationship science. *Journal of Family Theory and Review, 2*, 42-46.
- Kaslow, F. & Robinson, J. A. (1996). Long-term satisfying marriages: Perceptions of contributing factors. *American Journal of Family Therapy, 24* (2), 153-170.
- Kelly, A. B., Fincham F. D., & Beach S. R. H. (2003). Communication skills in couples: A review and discussion of emerging perspectives. In: Greene JO, Burleson BR, editors. *Handbook of communication and social interaction skills*. Mahwah, NJ: Erlbaum; pp. 723–751.
- King, D. W., Beere, C. A., King, L. A., & Beere, D. B. (1981). A new measure of sex-role attitudes. Paper presented at the annual conference of the Midwestern Psychological Association, Detroit, MI.
- Kline, S. L., Zhang, S., Manohar, U., Ryu, S., Suzuki, T., & Mustafa, H. (2012). The role of communication and cultural concepts in expectations about marriage: Comparisons between young adults from six countries. *International Journal of Intercultural Relations, 36*, 319–330
- Kurdek, L. A. (2005). What do we know about gay and lesbian couples? *Current Directions in Psychological Science, 14*, 251–254.
- Lai, E., & Huang, H. (1995). Research on married men's participation in domestic labor. (Conference paper). Taipei, Taiwan: Institute of Ethnology, Academia Sinica.
- Lai, S. (2000). Marital dynamics and the division of domestic labor in contemporary Taiwan. Paper presented at the 2000 National Council on Family Relations Annual Conference, Minneapolis, MN, 10-13
- Lavner, J. A., & Bradbury, T. N. (2010). Patterns of change in marital satisfaction over the newlywed years. *Journal of Marriage and Family, 72*, 1171–1187.
- Lemieux, R., & Hale, J. L. (2000). Intimacy, passion and commitment in Married Individuals: Further testing of triangular theory of love. *Psychological Reports, 87*, 941-948.
- Lemmens, G. M. D., Buysse, A., Heene, E., Eisler, I. & Demyttenaere, K. (2007). Marital satisfaction, conflict communication, attachment style and psychological distress in couples with a hospitalized depressed patients. *Acta Neuropsychiatrica, 19*, 109-117.
- Lingren, H. G. (1996). *Managing Conflict Successfully*. University of Nebraska-Lincoln: NebGuide Cooperative Extension.
- Lye, D., & Biblarz, T. (1993). The effects of attitudes toward family life and gender roles on marital satisfaction. *Journal of Family Issues, 14*, 157-188.
- Maisel, N.C., & Karney, B.R. (2012). Socioeconomic status moderates associations among stressful events, mental health, and relationship satisfaction. *Journal of Family Psychology, 26*, 654-660.

- Malouff, J. M., Thorsteinsson, E. B., Schutte, N. S., Bhullar, N., & Rooke, S. E. (2010). The five-factor model of personality and relationship satisfaction of intimate partners: A meta-analysis. *Journal of Research in Personality*, 44 (1), 124-127.
- Markman, H.J., Rhoades, G.K., Stanley, S.M., Ragan, E.P., (2010) The Premarital Communication Roots of Marital Distress and Divorce: The First Five Years of Marriage, *Journal of Family Psychology*, 24(3), 289 - 298
- McCubbin, H. I., Thompson, A. I., & McCubbin, M. A. (1996). Family assessment: resiliency, coping and adaptation-Inventories for research and practice. Madison, WI: University of Wisconsin System.
- McNulty, J. K. (2008). Forgiveness in marriage: putting the benefits into context. *Journal of Family Psychology*, 22 (1), 171-5. <https://doi: 10.1037/0893-3200.22.1.171>
- Miller, B. C., (2002). Family influences on adolescent sexual and contraceptive behavior, *Journal of Sex Research*, 39, 1, 22-26
- Miller, B. C., Norton, M. C., Fan, X., & Christopherson, C. R. (1998). Pubertal development, parental communication, and sexual values in relation to adolescent sexual behaviors. *Journal of Early Adolescence*, 18, 27-52.
- Neff, L. A. & Broady, E. F. (2011) Stress resilience in early marriage: can practice make perfect?. *Journal of Personal Social Psychology*, 101 (5), 1050-57
- Ogolsky, B., & Bowers, J. (2013). A meta-analytic review of relationship maintenance and its correlates. *Journal of Social and Personal Relationships*, 30, 343-367.
- Olson, D. H. & Olson, A. K. (2000). Empowering Couples: Building on Your Strengths. Minneapolis, MN: Life Innovations, Inc
- Olson, D. H., & DeFrain, J. (2000). *Marriage and the family: Diversity and strengths*. (Mountain View: Mayfield).
- Olson, D. H., Russell, C. S., & Sprenkle, D. H. (1989). Circumplex model: Systemic assessment and treatment of families. New York: Haworth Press.
- Onsy, E., & Amer, M. M. (2014). Attitudes Toward Seeking Couples Counseling among Egyptian Couples: Towards a Deeper Understanding of Common Marital Conflicts and Marital Satisfaction. *Journal of Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 140 (22), 470-475.
- Orgill, J., Heaton, T., B. (2005). Women's status and marital satisfaction in Bolivia. *Journal of Comparative Family Studies*, 36, 23–40
- Parker-Pope, T. (2010). For better: The science of a good marriage. New York, NY: Dutton.
- Prawitz, A. D., Garman, E. T., Sorhaindo, B., O'Neill, B., Kim, J., & Drentea, P. (2006). InCharge financial distress/financial well-being scale: Development, administration, and score interpretation. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 17(1), 34-50.
- Reed, A. E., & Carstensen, L. L. (2012). The theory behind the age-related positivity effect. *Journal of Frontiers in Psychology*, 3, 1–9. <https://doi:10.3389/fpsyg.2012.00339>

- Risch, G. S., Riley, L. A., & Lawler, M., G. (2003). Problematic Issues In The Early Years Of Marriage: Content For Premarital Education. *Journal of Psychology and Theology*, 31, 253-269
- Roberts, B. W., Walton, K. E., & Viechtbauer, W. (2006). Patterns of mean-level change in personality traits across the life course: A meta analysis of longitudinal studies. *Journal of Psychological Bulletin*, 132, 3-27.
- Roberts, R. M. & Paul T. C. J. (2006). Age Changes in Personality and Their Origins: Comment on Roberts, Walton, and Viechtbauer (2006). *Journal of Psychological Bulletin*, 132 (1), 26 –28
- Robins, R. W., Caspi, A., & Moffitt, T. E. (2000). Two personalities, one relationship: Both partners' personality traits shape the quality of their relationship. *Journal of Personality and Social Psychology*, 79, 251-259.
- Rogers, S., & Amato, P. (2000). Have changes in gender relations affected marital quality? *Journal of Social Forces*, 79, 731-753.
- Rosen-Grandon, J. (1998). The relationship between marital characteristics, marital interaction processes, and marital satisfaction (Doctoral dissertation, University of North Carolina at Greensboro, 1998). Dissertation Abstracts International, 59, 1792
- Rozumah, B., & Rumaya, J. (2002). Pengantar perkahwinan dan keluarga. Serdang: Universiti Putra Malaysia.,
- Sadegh Moghadam L, Askari F, Marouzi P, Shams H, Tahmasbi S (2006) Comparison of marriage satisfaction in housewives and employed women and their husbands in Gonabad. Ofogh-e-danesh, *Journal of Gonabad University of Medical Sciences and Health Services*, 12 (2): 45-50.
- Segrin, C., Hanzal, A., & Domschke, T. (2009). Accuracy and bias in newlywed couples' perceptions of conflict styles and their associations with marital satisfaction. *Journal of Communication Monographs*, 76, 207-233.
- Selye, H, (1976). The Stress of Life (rev. edn.). New York: McGraw-Hill.
- Sharif, F., Soleimani, S., Mani, A., & Keshavarzi, S. (2013). The Effect of Conflict Resolution Training on Marital Satisfaction in Couples Referring to Counseling Centers in Shiraz. *IJCBNM*, 1(1), 26-34.
- Sharlin, S. A., Kaslow, F.W., Hammerschmidt, H. (2000). Together through thick and thin: A multinational picture of long-term marriage. New York: The Haworth Press, Inc,
- Smith, L. M. (2007). Intimate relationship communication: Response patterns in marital sexual relations. Unpublished Doctoral Dissertation, South Dakota State University
- Spanier, G. B. & Lewis, R. A. (1980). Marital quality: A review of the seventies. *Journal of Marriage and the Family*, 42, 96-110.
- Spanier, G., B. (1976). Measuring dyadic adjustment : New scales for assessing quality of marriage and similar dyads. *Journal of Marriage and the Family*, 38, 15–28.

- Srivastava, S., Paul, P., Gosling, S. D. & Potter, J. (2003). Development of Personality in Early and Middle Adulthood: Set Like Plaster or Persistent Change? *Journal of Personality and Social Psychology*, 84 (5), 1041–1053.
- Trudel, G. (2002) Sexual and marital life: Results of a survey. *Journal of Sex and Marital Therapy* 28(3): 229-249.
- Twenge, J. M, W. Keith, C., & Craig A. F. (2003) “Parenthood and Marital Satisfaction: A Meta-Analytic Review.” *Journal of Marriage and Family*, 65, 574- 583.
- Umberson, D., & Williams, K. (2005). Marital Quality, Health, and Aging: Gender Equity? *Journal of Gerontol Psychology Science Social*, 60, 109-113
- Umberson, D., Williams, K., Powers, D. A., Chen, M., D., & Campbell, A., M. (2005). As good as it gets? A life course perspective on marital quality. *Journal of Social Forces*, 84, 493–511.
- Umberson, D., Williams, K., Powers, D.A, Liu, H., & Needham, B. (2006). You make me sick: Marital quality and health over the life course. *Journal of Health and Social Behavior*, 47, 1–16.
- Vaijayanthimala, K, Kumari K, Panda P (2004) Socio-economic heteronomy and marital satisfaction. *Journal of Human Ecology*, 15 (1), 9-11.
- VanLaningham, J., Johnson, D., R., Amato, P. (2001). Marital happiness, marital duration, and the U-shaped curve: Evidence from a five-wave panel study. *Journal of Social Forces*, 79, 1313–1341.
- Vater, A. & Schröder-Abé, M. (2015). Explaining the Link Between Personality and Relationship Satisfaction: Emotion Regulation and Interpersonal Behaviour in Conflict Discussions. *European Journal of Personality*, 29 (2), 201-215.
- Veroff, J. & Orbuch, T. L. (2003). Studying marital relationships. In J. Jackson & C. Howard (Eds.), *Research Methodologies in African American Communities*. Sage Publications.
- Waite L. J., Luo, Y., & Lewin, A. C. (2009). Marital happiness and marital stability: Consequences for psychological well-being. *Journal of Social Science Research*, 38, 201–212.
- Waite, L. J., & Gallagher, M. (2000). The case for marriage: Why married people are happier, healthier, and better off financially. New York, NY: Doubleday.
- Waite, L. J. & Gallagher, M. (2000), *The case for marriage*, Broadway Books, New York.
- Walzer, S. (2008). Redoing gender through divorce. *Journal of Social and Personal Relationships*, 25, 5-21.
- Wheeler, L. A., Updegraff, K. A., & Thayer, S. M. (2010). Conflict Resolution in Mexican-Origin Couples: Culture, Gender, and Marital Quality. *Journal of Marriage Family*. 72 (4), 991-1005.
- Williams, K. (2003). Has the future of marriage arrived? A contemporary examination of gender, marriage, and psychological well-being. *Journal of Health and Social Behavior*, 44, 470–487.

- Wilson, C. M. & Oswald, A. J. (2005). How does marriage affect physical and psychological health? A survey of the longitudinal evidence, *31* (3). 728
- Wolcott, I., & Hughes, J. (1999). Towards understanding the reasons for divorce. Working Paper. 20.
- Wood, R. G., Moore, Q., Clarkwest, A., & Killewald, A. (2014). The long-term effects of Building Strong Families: A program for unmarried parents. *Journal of Marriage and Family*, *76*, 446–463. <Https://doi:10.1111/jomf.12094>
- Xu, X., H., Lai, S., C. (2004). Gender ideologies, marital roles, and marital quality in Taiwan. *Journal of Family Issues*, *25*, 318–355.
- Zainab. I., Wan-Ibrahim, W. A., Asyraf, H. A. R. (2014). Marital breakdown in muslim community in malaysia. *Journal of Middle - East Journal of Scientific Research*, *20* (11), 1440-1444.
- Zainah, A. Z, Nasir, R., Ruzy, Suliza, H., & Noraini, M. Y. (2012). Effects of Demographic Variables on Marital Satisfaction. *Journal of Asian Social Science*, *8* (9), 46-49.

## **SENARAI PENERBITAN**

- Soffizzan, A. R., Rumaya, J., & Siti, N. Y. (2015). The influence of personal factor and job satisfaction on marital quality among Muslim working woman, *Journal of Elixir Social Science*, 82, 32163-32167.
- Soffizzan, A. R., & Rumaya, J. (2014). Marital Quality, Communication and Conflict Resolution Among Malaysian Married Muslim. *Journal of Social Science*, 70, 23846-23850
- Soffizzan, A. R., (2015). The Adolescent Life Satisfaction and Committing To Antisocial Behavior. *Journal of Social Studies*, 82, 23846-23850
- Soffizzan, A. R., & Rumaya, J. (2014). Kepuasan Hidup dan Kecendrungan Tingkah Laku Antisosial dalam kalangan remaja. Proceeding of Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan : Perkongsian Pengalaman (COSNA3 2014), Selangor, Malaysia.
- Soffizzan, A. R., Zaid, A., & Tarmizi, T. (2014). Isu Hubungan Antara Penganut Agama: Pengaruh Personal, Prejudis Dan Persepsi Golongan Belia. Proceeding of Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan : Perkongsian Pengalaman (COSNA3 2014), Selangor, Malaysia



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

HUBUNGKAIT ANTARA PERSONALITI, PERANAN GENDER, KOMUNIKASI, TEKANAN KEWANGAN DAN KUALITI PERKAHWINAN DALAM KALANGAN INDIVIDU MUSLIM BARU BERKAHWIN DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA

NAMA PELAJAR : SOFFIZZAN BIN ABDUL RAHMAN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]